

# Misteri Diarii Nabilah

Noraini Karsani



‘Sahabat itu sentiasa berada di sisi, ketika senang dan susah.’

Nabilah selalu yakin akan persahabatannya antara dia, Atiqah dan Mira. Ke mana mereka pergi, pasti bertiga. Mereka bersahabat sejak dari darjah satu lagi.

Namun, suatu hari, Nabilah terasa hati apabila dia menyedari perubahan terhadap kedua-dua sahabatnya itu. Nabilah sedar mereka sering berbisik. Jika Nabilah bertanya, Atiqah dan Mira akan mentertawakannya sahaja.

Nabilah tidak pernah berasa sedih dan kecil hati sebegitu. Dia cuba melawan perasaan itu. Nabilah **hampa**. Dia masih tertanya-tanya sebab sahabatnya berkelakuan sedemikian.

Nabilah semakin **kecil hati** melihat tingkah-laku sahabat-sahabatnya. Sejak kebelakangan ini, mereka berdua sering bersama dan kadang-kala bertemu di luar sekolah tanpa Nabilah. Nabilah terasa **terpinggir** dengan kelakuan dua sahabatnya itu.

“Sampai hati mereka berdua ke sana dan ke mari tanpa menghiraukan aku!” rungut hati kecil Nabilah.

“Haruskah aku bersemuka dengan mereka? Adakah aku akan diejek nanti?”hati kecil Nabilah bertanya.


Akhirnya, oleh sebab tidak sanggup memikirkan reaksi sahabat-sahabatnya, Nabilah berjalan pulang sendirian pada hari itu.

Keesokan hari, sedang Nabilah berada di dalam bas sekolah, dia terlihat Geeta asyik menulis sesuatu.

Dia **menyapa** Geeta dengan ceria. Geeta kelihatan terkejut tetapi segera tersenyum dan mempelawa Nabilah duduk di sebelahnya.

“Awak sedang menulis apa, Geeta?” Nabilah mula berbicara.

“Diari”, jawab Geeta sambil tersengih.



Geeta menerangkan bahawa dia selalu mencatat segala masalah yang dihadapinya di dalam diari. Diari itu pemberian kedua ibu bapanya.

Tiba-tiba, Nabilah mempunyai idea. Dia tidak perlu bersemuka dengan Mira dan Atiqah. Dia juga tidak perlu mengadu nasib dengan Nabil. Nabilah cuma perlu sebuah diari! Ya, sebuah diari sudah cukup untuk membantu menyelesaikan segala **kerumitan** yang sedang dialaminya.

Ketika dalam perjalanan pulang, Nabilah singgah di Kedai Buku Bestari untuk mendapatkan sebuah diari. Diari merah jambu dengan gambar arnab menarik perhatiannya.

Semenjak hari itu, Nabilah sering bersendirian. Dia sibuk menulis diari. Ketika di rumah, dia sering bersendirian di bilik. Kadang-kala dia tidak makan





langsung. Tingkah lakunya itu membuat Nabil curiga. Nabil bertekad untuk menyiasat apa sebenarnya yang membuat Nabilah berubah.

“Alang-alang menyeluk perkasam, biar sampai ke pangkal lengan” bisik hati Nabil. Nabil mula mengorak langkah. Sedih rasanya jika adik kembarnya berjauhan diri. Nabil mula menyedari perubahan pertama. Nabilah ada diari? Nabil makin ingin tahu. Dia cuba menyelinap masuk ke bilik Nabilah namun dia gagal.

Suatu hari, Nabil langkah kanan kerana Nabilah sibuk dengan kegiatan kokurikulum. Dia dapat memasuki bilik Nabilah.

Alangkah terkejutnya Nabil apabila melihat catatan di diari Nabilah. Nabilah mempunyai masalah dengan rakan-rakannya dan dia berasa sangat tertekan dan terpinggir.

Nabil terkejut. Nabilah tidak pernah berahsia sebelum ini. Mengapakah pula Atiqah dan Mira bersikap dingin terhadap Nabilah?

Aduh, peningnya kepala! Perempuan memang pelik. Nabil menggeleng-geleng kepalanya berkali-kali sambil membaca isi diari Nabilah.

Nabil harus bertindak cepat dan bijak. Dia berfikir agak lama. Akhirnya, Nabil membuat keputusan untuk mendapatkan nasihat daripada Ibu. Ibu amat tenang mendengar segala luahan Nabil.



Nabil amat lega kerana dapat bantuan daripada Ibu. Nabil dan Ibu memberitahu Ayah tentang hal tersebut. Ayah mengangguk tanda dia memahami situasi Nabilah. Ayah kemudian menasihati Nabil supaya bersemuka dengan rakan-rakan Nabilah untuk bertanya hal sebenar.

Ayah menambah, “Ingat Nabil, Nabilah tidak boleh tahu kamu bersemuka dengan Atiqah & Mira ya? Kecil hatinya nanti”.

Fikiran Nabil semakin kusut. Dia membaca semula diari Nabilah.

“Aduh, kenapa masalah Nabilah kini menjadi masalah aku pula?” rungut kecil hati Nabil. Namun, dia segera menepis segala emosi untuk menyelesaikan masalah Nabilah. Dia memang seorang abang yang **prihatin**.


Keesokannya, Nabil tidak membuang masa untuk bersemuka dengan Atiqah dan Mira. Dia telah menyuruh Nabilah untuk menaiki bas sekolah tanpanya. Ini semua telah dirancang bersama Ibu dan Ayah.

Nabil terlihat Atiqah dan Mira di kantin sekolah. Mereka seperti sedang asyik merancang sesuatu. Nabil menyergah mereka. Terkejut kedua-dua sahabat itu!


“Hei, Nabil! Terperanjat kami” Atiqah memarahi Nabil.

“Oh, terperanjat ya?” Nabil makin menghampiri mereka. Kini, Atiqah dan Mira **gelisah** melihat gelagat Nabil.

“Kenapa awak berdua memutuskan sahabat dengan Nabilah? Awak berdua membuat Nabilah sedih. Sekarang dia asyik berkurung dalam bilik sahaja,” Nabil meluahkan segalanya.







Atiqah dan Mira saling berpandangan. Mereka keliru. “Pura-pura bingung ke?” sambung Nabil. Nabil sudah hilang sabar. “Nabil, sabar. Ini semua salah faham,” Mira pantas bersuara.

“Kami minta maaf, Nabil. Kami tidak sedar bahawa kami sudah melukakan hati Nabilah dan membuat awak susah hati.” Mira cuba menjelaskan dengan nada yang tenang.

“Betul, Nabil. Kami tidak berniat hendak membuat Nabilah sedih. Kami...” giliran Atiqah memberi penjelasan. Nabil mengecilkan sebelah mata kerana masih **ragu-ragu** terhadap penjelasan mereka.

“Sebenarnya, kami sedang merancang pesta hari jadi Nabilah!” Atiqah dan Mira bersuara **serentak**. Nabil terkejut.

Mata Nabil terkebil-kebil. Dia telah salah sangka terhadap sahabat-sahabat Nabilah. Malah, Nabilah juga turut salah sangka.

“Betul?” Nabil masih tidak puas dengan penjelasan mereka itu.



“Ya, Nabil. Kami terlalu ghairah memikirkan rancangan kami sehingga tidak sedar bahawa kelakuan kami mengguris hati Nabilah,” kata Atiqah dengan nada yang sayu.

“Nabil, kamu sebenarnya telah merosakkan rancangan kami,” keluh Mira.

“Ya, Nabil. Sebenarnya pesta itu untuk kamu dan Nabilah. Bukankah kamu berdua kembar?” Mereka bertiga berpandangan lalu **tergelak** besar.



# Glosari

---

<b>menyapa</b>	mengajap bercakap-cakap, menegur
<b>gelisah</b>	tidak tenteram hatinya; selalu berasa khuatir
<b>hampa</b>	menimbulkan rasa kecewa
<b>kecil hati</b>	berasa tersinggung perasaan (agak marah)
<b>kerumitan</b>	kesukaran; kesusahan
<b>terpinggir</b>	mengetepikan
<b>prihatin</b>	mengambil berat, perhatian terhadap sesuatu perkara
<b>ragu-ragu</b>	syak hati, bimbang, bingung, sangsi, waswas
<b>serentak</b>	pada waktu yg sama / melakukan sesuatu bersama-sama
<b>tergelak</b>	tertawa dengan tidak sengaja





# Trivia

Tahukah kamu ....


Jika kamu ada masalah dan jika kamu rasa tidak selesa berkongsi dengan sesiapa, kamu boleh menghubungi talian berikut untuk mendapatkan bantuan?

1800 2744 788 – TINKLE FRIEND





# Aktiviti Bersama Keluarga



Oleh itu, bermula hari ini, ambil masa untuk menyatakan betapa sayangnya kamu terhadap keluarga kamu. Berikut adalah tips untuk memberitahu ahli keluarga kamu bahawa kamu sayang dan menghargai mereka:

- membuat kad atau nota dengan ucapan terima kasih
- mengitar semula barang terpakai untuk dijadikan hadiah
- meluangkan masa bersama tanpa penggunaan telefon bimbit

